

Karnival UiTM 50 tahun hambar

KOSMO 11/11/2006

Oleh AQMAR ALLADAD M.S. 4
berita@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Sambutan Karnival Ulang tahun Universiti Teknologi Mara (UiTM) Ke-50 di kampus induknya di sini hambar meskipun ia telah berlangsung lebih seminggu.

Karnival bermula 3 November lalu sehingga Ahad ini, bertempat di Padang Kawad dan Stadium (UiTM) Shah Alam.

Seorang penjual makanan, Kamarul Azlan Mazlan, 25, mendakwa kurangnya promosi punca karnival itu tidak mendapat sambutan di kalangan pelajar dan orang awam.

Beliau turut merungut kadar sewa khemah terlalu tinggi, iaitu RM1,500 hingga RM3,000 untuk selama 10 hari karnival itu berlangsung.

"Bila sewa mahal, kami terpaksa naikkan harga barangan, ini menyebabkan ada yang tidak mampu beli" jelas seorang peniaga aksesori yang enggan namanya disiarkan.

Tinjauan KOSMO! ke lokasi berkenaan hampir tiga jam semalam mendapati masih ada peniaga yang belum memulakan perniagaan.

Penjual pakaian, Che Mohd. Daud Mohd. Omar kecewa melihatkan hasil perniagaannya di situ sejak lapan hari lalu.

"Saya dapat hanya RM390 dalam tempoh lapan hari," katanya dengan nada kesal.

Hasliza Hashim pula rasa tidak puas hati dengan sistem penyusunan khemah di tapak karnival tersebut.

"Sepatutnya gerai makanan ditempatkan di belakang, barulah senang untuk kami mendapatkan bekalan air," katanya.



RAMAI peniaga merungut kerana tidak pulang modal akibat kekurangan pelanggan di Karnival Ulang tahun UiTM Ke-50 di Shah Alam semalam.